



# IDEALOGY

JOURNAL



# **IDEALOGY JOURNAL**

Volume 5, Issue 1, 2020

Published: 9 April 2020

Published by:  
©UiTM Press

e-ISSN 2550-214X

**MUHAMAD ABDUL AZIZ AB GANI, ISHAK RAMLI  
MOHAMMAD HAFIZ YAHAYA, NURUL SHIMA TAHARUDDIN  
HASLINDA MD NAZRI, MUHAMMAD REDZA ROSMAN  
NIZAR NAZRIN**

## INTRODUCTION

Idealogy Journal is a biannual journal, published by UiTM Press, Universiti Teknologi MARA, MALAYSIA.

IDEALOGY is a combination of the words IDEA and LOGY whereby the word IDEA refers to any activity or action that can lead to change. On the other hand, the word LOGY refers to the understanding towards a certain group or thought, that is often related to the creation of the idea itself. So, IDEALOGY is a platform for those who have ideas to share in journal form. The IDEALOGY Journal is spearheaded by the Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA (Perak), however the scope and theme applied were broadened to cover Arts & Social Science.

This journal is purely academic and peer reviewed (double-blind review) platform. It caters to original articles, review paper, artwork review and appreciation, exhibition review and appreciation, and book reviews on diverse topics relating to arts, design, and social science. This journal is intended to provide an avenue for researchers and academics from all persuasions and traditions to share and discuss differing views, new ideas, theories, research outcomes, and socio-cultural and socio-political issues that impact on the philosophical growth in the contemporary events.

## VISION

To elevate the standard of Academic writing, especially for ASEAN countries to be recognized in the eyes of the world

## MISSION

- To produce academia with world recognized writing quality
- To combine with selected ASEAN countries in producing academic articles

## PUBLICATION HISTORY

Known as **Idealogy Journal** that published various field of studies as an academic article since 2016.

## PUBLICATION FREQUENCY

Biannual Frequency: Two (2) issues per year (April and September)

**e-ISSN 2550-214X**

## EDITORIAL BOARD

### Journal Advisor

**Professor Sr Dr Md Yusof Hamid *AMP***  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### Chief Editor

**Associate Professor Dr Muhamad Abdul Aziz Ab Gani**  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)  
**Ishak Ramli**  
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

### Managing Editor

**Mohamad Hafiz Yahaya**  
(Universiti Teknologi MARA,  
Perak Branch, Malaysia)  
**Muhammad Redza Rosman**  
(Universiti Teknologi MARA,  
Perak Branch, Malaysia)  
**Nurul Shima Taharudin**  
(Universiti Teknologi MARA,  
Perak Branch, Malaysia)

### Section Editor

**Haslinda Md Nazri (Secretary)**  
(Universiti Teknologi MARA,  
Perak Branch, Malaysia)  
**Nizar Nazrin (Promotion)**  
(Universiti Teknologi MARA,  
Perak Branch, Malaysia)

### Panel Editor

**Dr Asyiek Desa**  
(Universiti Sains Malaysia)  
**Dr Muhamad Firdaus Ramli**  
(Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia)  
**Dr Yuhanis Ibrahim**  
(Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia)  
**Dr Saiful Akram Che Cob**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)  
**Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

### Editorial Advisory Board

**Associate Professor Dr Sophiya Umar**  
(Bahauddin Zakariya University, Pakistan)  
**Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea**  
(Effat University, Saudi Arabia)  
**Dr Sheikh Mehedi**  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,  
Bangladesh)  
**Professor Dr Anis Sujana**  
(Institut Seni Budaya, Indonesia)  
**Professor Masahiro Suda**  
(Nagoya University of Art, Japan)  
**Jeconiah Louis Dreisbach**  
(De La Salle University, Philippine)

## PANEL OF REVIEWERS

### MALAYSIA

**Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Associate Professor Dr Rusmadiyah Anwar**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Associate Professor Dr Azhar Jamil**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Mohd Khairi Baharom**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Nagib Padil**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Hanafi Hj Mohd Tahir**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Shahrel Nizar Baharom**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Azian Tahir**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Aznan Omar**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Hamidi Abdul Hadi**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Zainuddin Md Nor**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Verly Veto Vermol**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Zahirah Haron**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Dr Saiful Akram Che Cob**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Ishak Ramli**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Nizar Nazrin**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

**Nurul Shima Taharuddin**  
(Universiti Teknologi MARA, Malaysia)

### INDONESIA

**Prof. Dr Anis Sujana**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Dr Andang Iskandar**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Dr Husein Hendriyana**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Dr Supriatna**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Dr Pandu Purwandaru**  
(Universitas 11 Maret, Indonesia)

**Dr M. Zaini Alif**

(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Drs Deden Maulana, M.Ds**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Toufiq Panji Wisesa, S.Ds., M.Sn**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Drs Syaiful Halim., M.I.Kom**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

**Ratno Suprpto., M.Ds**  
(Institut Seni Budaya Indonesia)

### SAUDI ARABIA

**Assistant Prof. Dr. Abdul Jalil Nars Hazaea**  
(Effat University, Saudi Arabia)

**Assistant Prof. Dr. Mueen Uddin**  
(Effat University, Saudi Arabia)

**Assistant Prof. Dr. Shajid Khalifa**  
(Effat University, Saudi Arabia)

### BANGLADESH

**Mr Al-Monjur Elahi**  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,  
Bangladesh)

**Dr Sidhartha Dey**  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,  
Bangladesh)

**Dr Sheikh Mehedi**  
(Jatiya Kabi Kazi Nazrul Islam University,  
Bangladesh)

### PAKISTAN

**Associate Professor Dr Sophiya Umar**  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

**Masood Akhtar**  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

**Shah Zaib Raza**  
(Bahauddin Zakariya University, Multan, Pakistan)

### JAPAN

**Professor Masahiro Suda**  
(Nagoya University of Art, Japan)

**Ko Yamada**  
(Nagoya University of Art, Japan)

### PHILIPPINES

**Jeconiah Louis Dreisbach**  
(De La Salle University, Philippine)

## **COPYRIGHT NOTICE**

UiTM Press (The Publisher) has agreed to publish the undersigned author's paper in Idealogy Journal. The agreement is contingent upon the fulfilment of a number of requirements listed below.

1. The undersigned author warrants that the paper entitled below is original, that it is not in any way libellous or unlawful in Malaysia, that it does not infringe any copyright or other proprietary right. The undersigned hereby represents and warrants that he/she is the author of the paper, except for material that is clearly identified as to its original source, with permission notices from the copyright owners where required. The undersigned represents that he/she has the power and authority to sign and execute this agreement.
2. The undersigned author warrants that the paper entitled below has not been published elsewhere, and also it will not be submitted anywhere else for publication prior to acceptance/rejection by this journal.
3. By submitting the paper entitled below, the undersigned author agrees to transfer the rights to publish and distribute the paper in an international e-journal (entitled above) to publisher.
4. The undersigned author agrees to make a reasonable effort to conform to publisher's submission guidelines and to liaise with the editor to ensure that the requirements of these guidelines are met to a reasonable degree.
5. The corresponding author signs for and accepts responsibility for releasing this material on behalf of any and all coauthors. This agreement is to be signed by at least one of the authors who has obtained the assent of the co-author(s) where applicable. After submission of this agreement signed by the corresponding author, changes of authorship or in the order of the authors listed will not be accepted.

## **COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS**

This journal followed to the principles of The Committee On Publication Ethics (COPE) [www.publicationethics.org](http://www.publicationethics.org)

## TABLE OF CONTENTS

<b>EDITORIAL</b>	
<b>Introduction</b>	ii
<b>Editorial Board</b>	iv
<b>Panel of Reviewer</b>	v
<b>Editorial Preface</b> <i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli</i>	1
<b>Editorial Foreword</b> <i>Muhamad Abdul Aziz Ab Gani, Ishak Ramli, Mohammad Hafiz Yahaya, Nurul Shima Taharuddin, Haslinda Md Nazri, Muhammad Redza Rosman, Nizar Nazrin</i>	2
<b>ORIGINAL ARTICLE</b>	
<b>Thematic Analysis of Self-Experience, Cultural Expression and Islamic Expression on Haron Mokhtar's Series of Paintings</b> <i>Alif Haiqal Musa, May Tasneem Nor Adzaman</i>	3-17
<b>The 'Kelingai Motif' in Iban's Tattoo Motif; A Case Study of Kampung Gayau Ulu Pantu, Sri Aman Sarawak</b> <i>Gladys Tagie, Nurul Shima Taharuddin, Noor Aileen Ibrahim</i>	8-16
<b>Adaptation of Malay Folklore Tales (Si Luncai) in Printmaking</b> <i>Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan</i> <i>Hazrul Mazran Rusli, Abdul Aziz Zali @ Zalay</i>	17-29
<b>Integration between Art and Science: An Art Appreciation of Nyawa Light Exhibition</b> <i>May Tasneem Nor Adzaman, Mumtaz Mokhtar, Alif Haiqal Musa</i>	30-41
<b>Characteristic and Categorization of Monoprint's Among Local Artists in Malaysia</b> <i>Muhammad Abdullah, Mohd Firdaus Naif Omran Zailuddin, Ahmad Khairul Azizi Ahmad, Mohd Nasiruddin Abdul Aziz, Ashraf Abdul Rahaman</i>	42-54
<b>Conflicts Of Characters And The Characterization In Saladin The Animated Series: Analysis Of Intertextuality</b> <i>Konflik Watak Dan Perwatakan Dalam Saladin The Animated Series: Analisis Intertekstualiti</i> <i>Izra Inna Md Idris, Mohamad Saleeh Rahamad @ Ahamad, Md Azalan Shah Md Syed</i>	55-73
<b>Democratic Education in Pondok Educational System: Practice and Implementation</b>	74-85

**Demokrasi Pendidikan Dalam Sistem Pengajian Di Institusi Pondok: Pelaksanaan Dan Amalan**

*Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Huzaimah Ismail, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Abd.Munir Mohd Noh, Paiz Hassan, Ahmad Bakhtiar Jelani, Mohd Anuar Ramli*

**Students' Understanding of Shia Doctrine: A Study in Selected Religious School in Selangor** 86-91

**Kefahaman Pelajar Sekolah Agama Terpilih Di Selangor Terhadap Doktrin Syiah**

*Mukhamad Khafiz Abdul Basir, Suhaila Sharil, Muhd Imran Abd Razak, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Mohd Farhan Abd Rahman, Nurul Khairiah Khalid*

**The Narration Of Keris As A Subject Of Malay Culture Figurative In Rahim Razali's Films** 92-102

**Pencitraan Keris Sebagai Kiasan Keindahan Budaya Melayu Dalam Filem Rahim Razali**

*Siti Normala Hamzah, Mohamad Saleeh Rahamad @ Ahamad, Md Azalan Shah Md Syed*

**Museum and the Agenda of Counter Islamophobia: An Analysis** 103-118

**Muzium Dan Agenda Counter Islamophobia: Satu Analisis**

*Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Ahnaf Wafi Alias, Mohamed Yusuf Ahmad Adam Broughton*

**The Jewelry Design From Natural Environment Based On Tropical Nature Of Indonesia** 119-129

**Desain Perhiasan Dari Lingkungan Alam Berdasarkan Alam Tropis Indonesia**

*Donna Angelina*

**REVIEW ARTICLE**

**Biomimicry in Creative Contemporary Art Making Process** 130-133

*Hilal Mazlan*

**Typography as a Learning Aid to Recognize Color for Children with Color Blindness** 134-139

**Bantuan Pembelajaran Mengenal Warna Menggunakan Tipografi Bagi Kanak-Kanak Rabun Warna**

*Intan Nur Firdaus Muhammad Fuad, Khairul Nizan Mohd Aris, Mohd Salleh Abdul Wahab*

**The Influence of Hinduism in the Life of Malay Community: Analysis of R.O Winstedt's Views** 140-148

**Pengaruh Hinduisme dalam Kehidupan Masyarakat Melayu: Rujukan Khusus Karya Pilihan R.O Winstedt**

*Mohd Farhan Abd Rahman, Muhd Imran Abd Razak, Ahmad Firdaus Mohd Noor, Mukhamad Khafiz Abdul Basir, Nurul Khairiah*



*Khalid*

**Challenges of Implementing E-Learning in Art History faced by Instructors and Learners in Faculty of Art and Design, UiTM Perak** 149-154

*Nizar bin Nazrin, Farah Merican binti Isahak Merican, Syafiq bin Abdul Samat*

**Cultural Elements in Malaysian Paintings: A Survey** 155-162

***Elemen Budaya Dalam Karya Seni Catan Malaysia: Satu Tinjauan***

*Siti Humaini Bt Said Ahmad @ Syed Ahmad*

#### LETTER

**The Benefit Of 3-Dimensional Printing As An Effort To Preserve Pottery Arts** 163-177

***Pemanfaatan Teknologi Cetak 3-Dimensi Sebagai Upaya Pelestarian Gerabah Bentanga***

*Taufik Panji Wisesa*

# The Narration of Keris As A Subject of Malay Culture Figurative in Rahim Razali's Films

## *Pencitraan Keris Sebagai Kiasan Keindahan Budaya Melayu Dalam Filem Rahim Razali*

Siti Normala Hamzah<sup>1</sup>, Mohamad Saleeh Rahamad @ Ahamad<sup>2</sup>, Md Azalan Shah Md Syed<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup> Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
sitinormalahamzah@gmail.com

Published: 9 April 2020

### ABSTRACT

This article discusses on the topic of keris (dagger) imagery as a metaphor for Malay culture in two films of Rahim Razali: *Puteri* (1987) and *Anak Sarawak* (1989). In the cultural influence of Malay community, the dagger not only refers to the weaponry but also an art manifestation and a reflection of the values of thought, philosophy and culture for the Malay community. The objective of this study is to analyse the imagery of Malay culture through the display of daggers in both films that are in line with the philosophy and beliefs of the Malays. This study uses qualitative methods by applying a sociological approach to literature. The result shows that the local elements depicted in both films through Keris imagery have elevated aspects of beliefs, myths and rituals that are fundamental to Malay customs and culture. In addition, both films have also documented community social protests, especially regarding class conflict between bourgeoisie and proletariat, using the dagger as a medium of strength.

**Keywords:** Keris, Malay culture, Malay belief, Rahim Razali's films, *Puteri* and *Anak Sarawak*.

### ABSTRAK

Kajian ini membicarakan mengenai pencitraan keris sebagai kiasan keindahan budaya Melayu dalam dua filem Rahim Razali iaitu *Puteri* (1987) dan *Anak Sarawak* (1989). Dalam pengaruh kebudayaan masyarakat Melayu, keris bukan sahaja merujuk kepada alatan senjata malah merupakan sebuah manifestasi seni yang memiliki nilai estetika yang tinggi serta cerminan nilai pemikiran, falsafah dan kebudayaan bagi masyarakat Melayu. Maka objektif kajian ini adalah untuk menganalisis pencitraan budaya Melayu melalui pemaparan keris dalam kedua-dua filem tersebut yang sarat dengan falsafah dan kepercayaan masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan sosiologi sastera. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa unsur warna tempatan yang ditunjukkan melalui pencitraan keris dalam filem ini telah mengangkat aspek kepercayaan, mitos dan ritual yang menjadi asas kepada adat dan budaya Melayu. Selain itu, kedua-dua filem ini juga telah mendokumentasikan protes sosial masyarakat terutamanya mengenai pertentangan kelas antara pihak atasan dengan pihak bawahan dengan menggunakan keris sebagai wahana perjuangan.

**Kata kunci:** Keris, budaya Melayu, kepercayaan Melayu, filem Rahim Razali, filem *Puteri* dan filem *Anak Sarawak*.

eISSN: 2550-214X © 2020. The Authors. Published for Idealogy Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1. PENGENALAN: FILEM SEBAGAI PRODUK BUDAYA

Wan Zahid (1993) menyatakan bahawa bangsa dan negara yang kuat serta mulia terletak pada pembinaan asas budaya yang mantap, ilmu pengetahuan, akhlak mulia, keyakinan diri yang teguh,

semangat, tanggungjawab, dan pengorbanan diri yang tinggi. Nilai patriotisme terutamanya terhadap negara dan budaya bangsa haruslah dijiwai dan diamalkan sebaik-baiknya agar menjadi penyumbang kepada pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia (Nazri Muslim dan Jamsari Alias, 2004). Dalam hal ini, filem mampu dijadikan sebagai bahan untuk memperkasakan budaya dan bangsa serta mendidik masyarakat untuk menghargai sejarah, budaya, sastera dan cara hidup yang berbeza. Di samping itu, filem juga mampu untuk mengukuhkan semangat kekitaan dan memupuk semangat jitu masyarakat dan pegangannya. Ini adalah kerana filem merupakan wahana kreatif yang bersifat perbincangan (discursive) serta melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, mempunyai fungsi dan matlamat, sert pelbagai kemahiran dan kepakaran (Ismail Abdullah, 2009). Mansor Puteh (2012) menyatakan bahawa pembikinan sesebuah filem seharusnya mengambil kira aspek kerencanaan sosiobudaya, bahasa, bangsa, dan isu-isu kontemporari masyarakat. Semua aspek ini boleh diterjemahkan sebagai sumber dan perjuangan seni yang relevan bagi negara dan rakyat. Sekiranya filem ini dilihat sebagai salah satu bentuk komunikasi yang efektif, maka sudah tentunya sesebuah produk filem itu mampu bertindak sebagai agen yang menyampaikan aspirasi negara, identiti, jati diri, dan citra warisan, serta budaya kepada masyarakat dalam dan luar negara.

Proses bagi melahirkan filem yang bercitrakan budaya dan berjati diri negara merupakan suatu prosedur yang kompleks kerana penghasilan sesebuah filem itu berkait rapat dengan pasaran, seni dan masyarakat. Namun begitu, sejajar dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, karyawan filem disarankan untuk menyumbang pengisian budaya dalam filem mereka untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan berkemampuan untuk membangunkan negara. Hatta Azad Khan (1997) turut menyatakan aspirasinya mengenai perkara ini:

*In establishing a national cinema a film-maker will have to ask himself such as what is the relationship between cinema and national identity? Certain social aspects of a country and its people need to be clearly identified so that the issue and characterization will be in line with the country's identity. Another simple yet complex question is ask what role cinema plays in the construction of nationhood. This is most important for a country with a multi-racial population like Malaysia.* (Hatta Azad Khan, 1997:49)

Dalam bicara tersebut, Hatta Azad Khan melontarkan persoalan mengenai hubungan antara fungsi filem dan identiti negara. Beliau menekankan pencirian identiti negara yang perlu dijelaskan ciri-cirinya supaya mudah dikenal pasti dalam aspek sosial sesebuah negara dan rakyatnya. Selain itu, Hatta Azad Khan juga memfokuskan peranan filem dalam pembinaan negara dan bangsa yang merupakan satu aspek penting terutamanya untuk negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum seperti Malaysia.

## **2. RAHIM RAZALI DALAM PEMBANGUNAN FILEM BERCITRAKAN BUDAYA MELAYU**

Dalam hal ini, Hassan Mutalib (2012) dalam tulisannya memberikan kredit kepada Rahim Razali kerana berjaya memaparkan perubahan sosiobudaya, ekonomi dan politik serta kesannya ke atas masyarakat dalam karya seninya. Badrul Redzuan Abu Hassan dan Faridah Ibrahim (2011) menyatakan bahawa Rahim Razali juga dilihat sebagai antara salah seorang figura cendekiawan seni kontemporari tempatan yang menggunakan latar ideologi pembangunan negara khususnya kepada Melayu dan mengangkat realisme sosiobudaya dan politik bangsa sebagai tema filem-filemnya. Norman Yusoff (2011) pula meletakkan filem Rahim Razali seperti *Abang*, *Pemburu* dan *Tsu Feh Sofiah* antara karya tempatan yang berjaya membawa pemikiran dan nilai Melayu dan wajar diberi apresiasi. Bagi Yusof Wahab (2016) pula, Rahim Razali ialah seorang penggiat filem berilmu yang membawa semangat perjuangan Melayu dalam filem-filemnya. Sebagai insan seni yang dibawa masuk ke dunia lakonan oleh Rahim Razali sendiri dan pernah menyandang profil sebagai pelakon pembantu terbaik, Yusof Wahab memandang tinggi kepada kredibiliti Rahim Razali sebagai tokoh filem yang banyak berjasa dalam dunia perfileman Malaysia. Memetik kata-kata Yusof Wahab (2016) mengenai perjuangan Rahim

Razali dalam mengangkat isu dan polemik Melayu ke layar perak, “Perjuangan Rahim Razali tentang tanah Melayu. Tentang jiwa Melayu. Tentang kehidupan Melayu”.

Rahim Razali atau nama penuhnya Abdul Rahim Mohd Razali dilahirkan pada 3 Julai 1939 di Batu Gajah, Perak. Beliau merupakan penggiat seni tersohor di Malaysia yang memegang profil sebagai pelakon filem, dramatis, pengarah, penerbit filem serta TV, jururunding skrip dan juga seorang penulis. Sepanjang pembabitan beliau dalam dunia seni seawal tahun 1950-an, karya beliau bukan sahaja berjaya menonjolkan identiti bangsa dan budaya Malaysia, tetapi juga begitu sinonim dengan semangat nasionalisme dan idealisme Melayu. Sekitar kerjayanya dalam bidang seni, Rahim Razali telah mengarah sembilan buah filem bermula pada tahun 1981, iaitu *Abang, Tsu Feh Sofiah, Pemburu, Matinya Seorang Patriot, Puteri, Anak Sarawak, Rentak Desa, Abang 92 dan Iman alone*. Sepanjang perjalanan beliau sebagai penggiat seni, beliau juga telah menerbitkan 50 drama televisyen di RTM dan berlakon sebanyak 15 buah filem. Filem-filem di bawah arahnya juga pernah terpilih untuk mewakili negara untuk pelbagai festival filem antarabangsa seperti Tokyo International Film Festival, London International Film Festival dan lain-lain.

Kebanyakan filem Rahim Razali sering memperlihatkan sisi perjuangan beliau yang mengangkat idea dan semangat nasionalisme dalam setiap jalan ceritanya. Walaupun beliau berjuang dalam lingkup dunia seni, semangat patriotisme melalui karyanya sangat lantang dan mendalam. Rahim Razali sangat sinonim dengan tema yang menonjolkan bangsa Malaysia serta sering mengangkat semangat jati diri Melayu dalam setiap karyanya. Maka elemen seperti silat, keris, semangat kekeluargaan, politik lokal serta adat resam dan adab yang menjadi tunjang masyarakat Melayu adalah penting dalam naratif karya Rahim Razali. Di samping itu, unsur alam yang lain seperti tanah, sungai, laut, padi, pokok, hutan dan kepercayaan ilmu halus juga antara elemen yang memperkuat karya Rahim Razali yang memperlihatkan realisme sosiobudaya bangsa Melayu.

Dalam filem *Anak Sarawak dan Puteri*, Rahim Razali telah memilih keris sebagai elemen pencitraan budaya masyarakat Melayu. Pencitraan keris yang memberikan kiasan tentang keindahan seni Melayu telah diberi penekanan dalam filem tersebut apabila Rahim Razali memasukkan babak penting yang menceritakan kehebatan serta keunggulan keris Melayu. Menurut Kamus Dewan citra (2015:283) membawa maksud gambaran atau imej seseorang ataupun sesuatu barangan mahupun organisasi. Kotler (2001) pula menyatakan definisi citra sebagai “...*the set beliefs, ideas, and impressions that a person holds of an object.*” Aaker & Myers (2000) pula memberikan takrifan citra sebagai “*The total impression of what person a group of people think and know about an object.*” Alan Swingewood (1972) menterjemahkan konsep citra sebagai gambaran masyarakat yang digambarkan dalam sesebuah karya sastera oleh pengkaryanya.

*The conception of the mirror, then, must be treated with great care in the sociological analysis of literature... Literature clearly reflects norms, attitudes to sex by the working class and middle class, for example; it reflects, too, values in the sense of the writer's own intention, and it might be suggested that it is on the level of values where literature is seen to reinforce and illuminate purely sociological material.* (Alan Swingewood, 1972:15)

Maka melalui pengertian tersebut, citra boleh ditakrifkan berdasarkan pemahaman individu terhadap imej atau gambaran yang telah difahaminya. Citra yang digambarkan dalam karya sastera pula merupakan satu elemen yang digunakan untuk mengkaji karya sebagai dokumen sosiobudaya dalam masyarakat. Dalam konteks kajian ini, filem *Anak Sarawak dan Puteri* telah memberi pencitraan budaya masyarakat Melayu apabila keris digambarkan sebagai elemen yang mewakili seni dan budaya masyarakatnya.

### 3. METODOLOGI DAN TEORI

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk membuat analisis mengenai pencitraan keris yang memberikan kiasan tentang keindahan seni Melayu dalam filem *Anak Sarawak dan Puteri* hasil karya

Rahim Razali. Bagi tujuan penyelidikan ini, pengkaji telah mengaplikasi kaedah kualitatif untuk menganalisis data. Kedua-dua filem ini dipilih kerana pengkaji berpendapat bahawa karya tersebut memberi pencitraan kepada keindahan dan kehebatan keris Melayu yang berpaksikan kepada falsafah budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Temubual bersama Rahim Razali juga dilakukan dengan tujuan memperkukuh data dan maklumat pengkaji dalam penyelidikan ini.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan pendekatan sosiologi sastera yang dicerakinkan dengan analisis kandungan kualitatif (Hsieh dan Shannon, 2005) bagi menterjemahkan persoalan dan isu khususnya mengenai isu dan budaya Melayu pada dekad 1980-an. Tiga pandangan tokoh sarjana sosiologi sastera iaitu Hipolyte Taine (Taine), Alan Swingewood (Swingewood), dan Lucien Goldman (Goldman) digunakan untuk menganalisis hubungan masyarakat dengan filem yang dikaji, atas prinsip bahawa sastera (filem) itu adalah sebagai cermin kepada nilai budaya bangsa. Menurut Hippolyte Taine (1900), pengetahuan mengenai fakta tentang sesuatu zaman, ras dan juga milieu, mampu memberikan kefahaman mengenai lingkungan budaya yang melahirkan seseorang pengarang beserta karyanya. Faktor-faktor seperti lingkungan masyarakat serta keluarga yang mencorakkan pemikiran pengarang, situasi sosio-politik, isu ekonomi, budaya, keadaan alam, suasana dan faktor sosial ini yang memberikan inspirasi kepada pengarang untuk dijadikan karya seni yang selari dengan peristiwa kontekstualnya. Alan Swingewood pula telah mengemukakan pendekatan bahawa karya sastera dapat dilihat sebagai dokumen sosiobudaya sesuatu masyarakat pada suatu masa tertentu (Swingewood, 1972:11). Beliau mempunyai pandangan bahawa karya sastera suatu zaman itu merupakan 'cerminan sosial' kerana merekodkan pengaruh, kecenderungan dan keperluan masyarakat dalam sesuatu masa (Swingewood, 1972:15). Seterusnya, Lucien Goldman (1980) membawa gagasan 'Strukturalisme Genetik' (Structuralism Genetics) yang bersandarkan gambaran realiti sosial dan harus bersifat historis (sejarah). Strukturalisme Genetik ini dibina atas dasar pandangan Goldman yang percaya bahawa karya sastera merupakan sebuah struktur hasil daripada proses sejarah yang berlaku manakala genetik pula bagi beliau menyentuh soal asal-usul, sebab akibat dan penentuan.

### **3.1 Kepercayaan kepada Keris Keramat dalam Budaya Melayu**

Mengikut sejarah, keris ialah milik dan warisan budaya Melayu serta merupakan senjata masyarakat Melayu yang dipercayai telah digunakan secara meluas di Kepulauan Melayu sejak lebih 600 tahun dahulu (Norain Ismail, 2012). Menurut Edward Frey pula, keris ialah sejenis alatan yang memberi perlambangan budaya terpenting bagi masyarakat Melayu (Hashim Mohd Nor, 2004: 12 dlm. Norain Ismail, 2012).

Bagi dunia Melayu keris ialah simbol ketinggian masyarakat Melayu dan kepada pemikiran dan falsafah yang terletak pada rekaan dan karya seni pembuatan keris tersebut (Email Bahari, 2009). Keris juga mempunyai nilai kesenian yang tinggi dalam budaya peradaban Melayu serta turut melambangkan kekuasaan. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah keris begitu sinonim dengan adat istiadat diraja yang membawa maksud kewibawaan dan kedaulatan seseorang raja ataupun sultan dalam sesebuah negeri. Menurut Azuan Effendy Zairakithnaini, Penolong Datuk Paduka Maharaja Lela, Bahagian Istiadat, Istana Negara, ketika dalam istiadat pertabalan diraja, Keris Panjang Diraja akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Datuk Paduka Maharaja Lela sebagai upacara puncak semasa adat istiadat diraja itu berlangsung (Rhoma dan Siti Baaqiah, 2017). Keris Panjang Diraja yang juga dikenali sebagai Keris Kerajaan yang mempunyai ciri-ciri unik dari hulu hingga ke sarungnya berbalut dengan emas, dan sampirnya diletakkan lambang Kerajaan Persekutuan dan lambang sebelas negeri Tanah Melayu. Dikatakan 11 bilah keris daripada kesebelasan negeri tersebut telah dilebur untuk dijadikan besi waja yang kemudiannya ditempa untuk menjadikan besi tersebut mata keris bagi keris Panjang Kerajaan itu. Sebelas besi yang dilebur bersama untuk dijadikan keris tersebut merupakan simbolik kepada pemusatan kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong. Besi-besi tersebut juga menggambarkan nilai dan elemen yang mewakili negeri-negeri Tanah Melayu kemudiannya dilebur dalam satu acuan dan dilahirkan dalam bentuk keris Panjang Diraja yang menjadi simbol kuasa Yang Dipertuan Agong. Pada hari pertabalan tersebut, Tuanku akan membuka sarung keris tersebut dan mengucupnya serta menjunjung ke dahi sebagai simbolik bahawa Tuanku

bersedia memikul amanah untuk menjadi ketua negara sebagai Yang di-Pertuan Agong (Rhoma dan Siti Baaqiah, 2017).

Selain keris Panjang Diraja, Yang di-Pertuan Agong juga dikurniakan keris Pendek Beraja. Besinya ditempa dengan mata keris lama dan berhulu dan bersarungkan gading yang bertatahkan emas (Istana Negara, 2018). Hulu keris ini berupa “Geroda” dan dinamakan sebagai “Hulu Pekata”. Pada sampir keris ini turut diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan. Kedua-dua keris ini, iaitu Keris Panjang Diraja dan Keris Pendek Diraja, dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai salah satu peralatan kebesaran Diraja (Istana Negara, 2018). Ini bersesuaian dengan kenyataan oleh Hashim Mohd Noor (2004) yang memvisualkan keris ini sebagai senjata yang mempunyai ciri tertentu seperti bersaiz panjang atau pendek serta mempunyai dua mata yang tajam dan berbilah lurus dan berkelok-kelok.

Mengikut kisah sejarah alam Melayu, keris juga sering dijadikan sebagai alat senjata (Al- Mudra, 2009; Buanadjaya, 1998; Duuren, 1998; Gardner, 1973; Ragil Pamungkas, 2007; Koesni, 1974; Moebir, 1980; Bambang, 2004; Haryono, 2006; Shahrudin Yub, 2006; Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, dan Abdul Latif, 2012) penting dalam pertarungan. Seni silat yang digunakan sebagai seni bela diri Melayu ini pula sering digunakan bersama-sama dengan keris sebagai senjata terutamanya ketika dalam pertempuran ataupun perlawanan. Dalam adat Melayu tradisional, keris juga dipercayai mempunyai kuasa mistik yang juga di anggap azimat.

Keris juga seringkali digunakan sebagai perantara iaitu “berisi”, berkhadam bercahaya dan sebagainya (Gelanggang Pesantanal Silat Warisan Seni Beladiri Melayu, 2011). Malahan jika memasuki dunia keris, terdapat banyak nama keris yang masyhur kisahnya dalam masyarakat Melayu serta yang dikaitkan dengan unsur mistik dan kekuasaan luar biasa. Keris Taming Sari misalnya merupakan keris yang tersohor kisahnya dan direkodkan dalam banyak legenda dan hikayat sejarah Melayu Melaka kerana dikaitkan dengan laksamana Hang Tuah yang memilikinya, sehingga memberi kuasa sakti kepada dia semasa berkhidmat sebagai Laksamana Melaka.

Mengikut hikayat yang diturunkan kisahnya dari zaman ke zaman, keris ini amat terkenal dengan kuasa sakti, iaitu apabila bertarung maka tidak akan lut pemiliknya daripada dimakan senjata lawan (kebal). Selain itu, keris ini dipercayai berupaya terbang di udara semasa mengejar musuh (Tengku Intan Marlina dan Salinah, 2013). Memetik kisah yang dicatatkan dalam Hikayat Hang Tuah mengenai kesaktian Keris Taming Sari ini:

*“... pun suka melihat Tun Tuah bertikam dengan Taming Sari itu. Maka Tun Tuah pun fikir dalam hatinya : “Apa juga dipakainya tiada lut ku parang? Tetapi pada firasatku sebab kerisnya inilah maka ia tiada dapat ditentang lawan dan tiada lut ku parang tubuhnya ini. Jikalau demikian apa jua kehendaknya? Baiklah kerisnya ini kuperdayakan.”* (Hikayat Hang Tuah, 1997: 146 dlm. Tengku Intan Marlina dan Salinah, 2013).

Kepercayaan masyarakat kepada kesaktian keris ini juga telah menyebabkan terhasilnya ungkapan puisi lama tulisan Sutan Takdir Alisjahbana (1961) yang menceritakan kehebatan falsafah keris dalam konteks masyarakat Melayu. Puisi yang bertajuk Keris Bertuah ini berkaitan dengan semangat serta jiwa tentang falsafah keris yang membawa tuah dan sakti kepada pemiliknya (Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, dan Abdul Latif, 2012):

*Keris sempena ganja iras Rentak diturut panjut putih Besi dua laki isteri Keratan tongkat Nabi Adam Serpai besi kersani Bercanai di ulu air Mengasam ke bilik dalam Sebulan dagang menggagas Jejak ditikam mati juga Sebulan Bugis berenang Riak ditikam mati juga Setitik darah ke daratan Setahun padi tak jadi Setitik darah ke lautan Setahun ikan tak main* (Sutan Takdir Alisjahbana, 1961).

### 3.2 Pencitraan Keris Yang Memberikan Kiasan Tentang Keindahan Seni Melayu Dalam Filem Rahim Razali

Diinspirasi daripada kepercayaan adat dan budaya orang Melayu mengenai kekuasaan keris, kisah ini kemudiannya telah digarap oleh Rahim Razali dalam *Anak Sarawak* sebagai satu indikasi beliau untuk memartabatkan keris dalam masyarakat Melayu. Dalam filem ini terdapat satu babak yang menceritakan kehebatan keris Melayu tradisional dan kepercayaan masyarakat Melayu tentang kemampuan keris yang dikatakan mempunyai kemampuan luar biasa. Babak bermula dengan pemaparan imej sebilah keris yang telah diambil oleh Johan dari atas gerobok tinggi, yang diletakkan berhampiran dengan gambar pejuang nasionalis tersohor Sarawak, iaitu Rosli Dhoby, Awang Ramli Amit, Bujang Suntong dan Morshidi Sidek, sebelum dia memulakan langkah silat. Pemaparan imej keempat-empat bingkai gambar pejuang nasionalis Sarawak yang digantung berhampiran dengan tempat keris itu disimpan, memberi signifikansi simbolik bahawa keris tersebut juga pernah menumpahkan jasa kepada tanah air kerana dibawa bersama ke medan perang oleh pemiliknya semasa berjuang menentang penjajahan Barat.

Keris pusaka yang diwarisi Johan daripada bapanya yang juga seorang nasionalis unggul dan pernah berjuang menentang kuasa luar pada suatu masa dahulu telah dianggap sebagai keris keramat dan mempunyai kuasa hebat kerana mampu menumpaskan ramai musuh dalam setiap tikamannya. Perspektif Johan mengenai kehebatan keris yang mempercayai kuasa keramat bagi sebilah keris mewakili pandangan lazim dalam masyarakat Melayu yang mempercayai kuasa supernatural daripada sebilah keris, seperti kata-kata Johan kepada bapanya:

*Johan* : *Johan mahu mewarisi keris keramat negeri Sarawakini* (*Anak Sarawak*, 1989)

Menurut kajian akademik yang direkodkan oleh Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, dan Abdul Latif (2012), orang Melayu lazim menganggap keris sebagai 'azimat' yang mempunyai kuasa istimewa. Mengikut adat dan budaya orang Jawa pula keris dianggap sebagai tosan aji yang bermaksud 'senjata yang mempunyai kuasa ajaib' dan memberikan 'kepercayaan dan keyakinan diri dalam meraih nasib baik dan keberuntungan, terlindung dan terselamat' untuk pemilik keris tersebut. Maka tidak hairanlah Johan merasakan bahawa keris tersebut memiliki kuasa luar biasa kerana telah banyak menumpahkan darah dan mengambil nyawa penjajah ketika dibawa ke medan perang oleh bapanya sehingga dianggap keramat.

*Haji Pawi* : *Dari siapa kamu dengar ini keris keramat negeri Sarawak?*

*Johan* : *Semua orang kata, emak, Udai. Kata Udai inilah senjata paling banyak makan nyawa penjajah!* (*Anak Sarawak*, 1989)

Dalam babak tersebut sebilah keris telah dicapai oleh Johan dari atas gerobok tinggi yang diletakkan berhampiran dengan gambar pejuang nasionalis tersohor Sarawak, iaitu Rosli Dhoby, Awang Ramli Amit, Bujang Suntong dan Morshidi Sidek, sebelum langkah silatnya dimulakan. Pemaparan imej keempat-empat bingkai gambar pejuang nasionalis Sarawak yang digantung berhampiran dengan tempat keris itu disimpan, memberikan signifikansi simbolik bahawa keris tersebut juga pernah menumpahkan jasa kepada tanah air kerana dibawa bersama ke medan perang oleh pemiliknya semasa berjuang menentang penjajahan Barat. Walau bagaimanapun kepercayaan bahawa keris tersebut adalah keramat telah disangkal oleh pemilik keris itu sendiri, iaitu Haji Pawi. Menurut Haji Pawi, kepercayaan bahawa keris itu sebagai suatu yang keramat merupakan pandangan yang dangkal dan mungkin dipengaruhi cerita mistik rakyat yang didengari sebelum ini.

Dalam babak yang sama, Rahim Razali telah memasukkan juga elemen adat dan kepercayaan orang Melayu tentang upacara mengasapkan dan membersihkan keris yang sering dikaitkan dengan amalan ritual dan kepercayaan supernatural masyarakat Melayu melalui dialog yang diucapkan oleh Haji Pawi. Upacara mengasap dan membersihkan keris ini kebiasaannya akan dilakukan pada waktu tertentu oleh pemiliknya dengan tujuan yang pelbagai. Menurut Siti Noor Aisyah Nazaruddin, Kurator Muzium

Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), upacara ‘memandikan’ keris ini kebiasaannya menggunakan perahan limau dan diasapkan kemenyan. Malah beliau mengakui upacara ini sering dikaitkan dengan unsur mistik kerana kebanyakan masyarakat Melayu percaya tindakan ini mampu meningkatkan kuasa luar biasa kepada keris tersebut (Nor ‘Asyikin Mat Hayin, 2018).

Dalam kajian yang ditulis oleh Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, & Abdul Latif (2012), terdapat juga kenyataan yang merekodkan kepercayaan Melayu mengenai upacara ‘*cuci dan mandi keris*’. Upacara ini kebiasaannya dilakukan pada bulan Muharram kerana kebiasaannya bulan ini dianggap bulan ilmu, menuntut ilmu atau membuang ilmu. Dalam upacara ini, keris dicuci, dibersihkan dan dimandikan dan diikuti ritual khusus kerana bagi kepercayaan orang Melayu upacara ini adalah untuk memantapkan isi dan kedampingan yang berada dalam keris tersebut. Menurut kajian ini lagi, upacara ini adalah untuk khadam yang mendiami keris itu dan mampu mempengaruhi kekuatan mistik keris tersebut. Walau bagaimanapun kepercayaan mengenai kekuasaan mistik keris yang diperoleh melalui upacara cuci atau yang turut dikenali sebagai mengasap keris ini telah disangkal oleh Tuan Guru Azizan Ibrahim yang juga merupakan Pengerusi Majlis Gurulatih Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan dan Pengerusi Majlis Gurulatih Gayong Serantau Kelantan (Gelanggang Pesantanal Silat Warisan Seni Beladiri Melayu, 2011) yang menyatakan tujuan asal memandi atau perasap keris tiada perkaitan dengan soal mistik seperti memanggil atau bersahabat dengan makhluk halus seperti jin. Perbuatan membersihkan keris dengan bahan seperti limau nipis, batang pisang, nanas, air kelapa, buluh, tujuh jenis bunga dan juga kemenyan bertujuan untuk membersihkan keris daripada kekotoran seperti darah selepas bertarung dan juga untuk mengelakkan dari terbentuknya karat hasil daripada proses oksidasi secara ilmiah. Maka perkaitan amalan memandikan dan mengasap keris bukanlah satu proses yang berkaitan dengan amalan ritual syirik dan khurafat.

Pendapat ini selari dengan kata-kata Haji Pawi ketika menasihati Johan yang menerangkan bahawa keris yang berada di tangannya itu merupakan keris yang biasa tanpa mempunyai kuasa luar biasa. Bagi Haji Pawi, tiada keris yang seumpama keris keramat seperti yang difikirkan oleh Johan, kerana kekuatan seseorang itu terletak pada sifat dan niat, dan bukanlah tersimpan pada sebilah keris. Memetik kata-kata Haji Pawi kepada Johan:

*Haji Pawi : Kepala kamu Johan telah banyak di hasut dengan cerita dongeng dan khayalan kamu macam kanak-kanak yang setiap hari mengangankan dirinya menjadi Superman (dan) Hang Tuah. Keris ini satu pusaka warisan nenek moyang turun temurun sebab itu ia disimpan baik-baik diasap selalu, cuci air limau selain dari itu ia keris biasa. Matanya besi tulen yang dah berkarat, hulunya dan retak tak ada apa yang keramat baginya. Yang keramat biasanya adalah pada sifat dan niat manusia (Matinya Seorang Patriot, 1989).*

Kata-kata Haji Pawi yang mengatakan bahawa “Yang keramat biasanya adalah sifat dan niat manusia’ adalah refleksi daripada prinsip Rahim Razali sendiri kerana bagi beliau kekuatan seseorang itu terletak pada pendirian, idea dan motivasi yang teguh serta perjuangan yang betul (Rahim Razali, 2016). Bagi beliau tiada jalan singkat untuk berjaya.



**Imej 1:** Pemaparan imej keris dalam filem Anak Sarawak.



Selain pemaparan imej keris dalam filem Anak Sarawak yang membawa maksud kepercayaan kuasa luar biasa dan supernatural terhadap keris, imej keris juga dipaparkan dalam filem Puteri melalui babak Iskandar di kelab malam yang membawa maksud pertarungan. Pemaparan imej keris ini juga merupakan satu identifikasi kesenian Melayu yang turut mencerminkan falsafah keris sebagai salah satu elemen pertarungan dalam adat dan budaya Melayu. Dalam babak filem tersebut, dipaparkan Iskandar sedang berada di sebuah kelab malam lengkap dengan pemakaian silat serba hitam untuk membuat perhitungan dengan Encik Akhirudin atau pak su kepada Jalal (Jay) dan konco- konconya yang dipercayai telah membuat khianat ke atas sahabatnya, iaitu Muda dan Lela sehingga menyebabkan kematian.

Pemakaian busana silat iaitu pakaian bagi pendekar Melayu oleh Iskandar itu sudah memberi petanda bahawa dia datang bukan dengan tujuan kosong atau mencari hiburan tetapi atas tujuan untuk bertarung. Kehadiran keris di sisi itu sendiri sudah memberi satu pernyataan yang jelas bahawa akan berlakunya pertarungan dan pertumpahan darah. Menurut adab dan falsafah Melayu, apabila keris disisipkan di pinggang dan berada di hadapan badan, itu memberi petanda kepada pihak musuh bahawa si pemakai keris sebenarnya sudah siap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan (Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, dan Abdul Latif, 2012).

Seterusnya, falsafah dan adab pemakaian keris juga ditentukan melalui kedudukan hulu keris yang disisipkan di pinggang kerana arah hulu yang berlainan akan membawa maksud dan tujuan yang berbeza. Sekiranya hulu keris di hadapan ke arah badan, iaitu sama ada di bahagian hadapan atau pun ke arah belakang si pemakai, ekspresi ini membawa maksud bahawa 'aku datang dengan aman', manakala sekiranya hulu keris di hadapan keluar, ini memberi petanda bahawa 'aku siap untuk bertarung' (Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, & Abdul Latif, 2012).



**Imej 2:** Pemaparan imej keris dalam filem Puteri.

Kenyataan daripada kajian yang ditulis oleh Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, dan Abdul Latif (2012) tersebut, dapat dilihat pada dua imej di atas yang menunjukkan keadaan hulu keris yang disisipkan di pinggang Iskandar. Keris yang dikeluarkan dari begnya terus disisipkan ke pinggang jelas menunjukkan bahawa hulunya telah di hadapan keluar yang membawa pengertian bahawa dia datang ke tempat tersebut dengan tujuan untuk membuat perhitungan. Menurut Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, dan Abdul Latif (2012), falsafah keris bagi orang Melayu bukan sekadar alat untuk mempertahankan diri tetapi juga membicarakan soal maruah dan prinsip.

Dalam filem Puteri, banyak babak yang memaparkan Iskandar sering diperkotak-katikkan, diejek, direndah-rendahkan dengan kata-kata yang menyakitkan hati serta diberi kata-kata ugutan oleh Encik Akhirudin (pak su kepada Jay) dan konco-konconya sebagai cara untuk mereka memberikan peringatan kepada Iskandar supaya menjauhkan diri dari Puteri dan meninggalkan kawasan tanah yang sedang diusahakan oleh dia dan rakan-rakannya. Dialog di bawah ialah pemaparan bagaimana Iskandar dan rakan-rakannya telah diperkotak-katik dengan provokasi yang sengaja dilancarkan untuk menimbulkan ketegangan, selain kata-kata ancaman dan ugutan oleh Pak Su dan konco- konconya.

### **Dialog 1**

Samseng 1: Amboi rajin betul pemuda bertiga ni bekerja ya brother!

- Samseng 2: Hati-hati...aku dengar diaorang ni bukan orang tau...  
Samseng 1: Bukan orang? Habis tu apa pulak? Binatang ke?  
Samseng 3: Aiseh brother... Janganlah kasar, bukannya binatang tapi hantu!  
Samseng 1: Orang kata...hantu takutkan api. (ketawa berdekah-dekah dan membaling puntung rokok yang masih menyala ke arah Muda. Puntung rokok yang dibaling tersebut hinggap ke leher Muda dan menyebabkan lehernya luka) (Puteri, 1987)

### **Dialog 2**

- Samseng 1: Mak oi! Dengar tu...  
Samseng 2: Lain macam hantu ni bercakap! Hei geng! Hantu boleh berdarah tak? Kata mak aku... kalau berdarah pun darah warna putih... Mari kita cuba (mengambil seketul batu yang agak besar lalu melemparkan batu tersebut ke arah Lela sehingga luka dan berdarah kakinya.) (Puteri, 1987)

### **Dialog 3**

- En. Akhirudin: Boleh jadi awak menang kali ini... tapi saya bagi awak amaran. Ini hanya permulaan sahaja. Serangan kedua akan lebih dahsyat dari serangan pertama... serangan ketiga akan lebih dahsyat dari serangan kedua... dan seterusnya. Awak tak akan boleh menang semua...  
Iskandar: Saya ulang soalan saya. Apa sebabnya?  
En. Akhirudin: Ini adalah tindakan biasa untuk orang yang hendak merampas hak orang lain. (Puteri, 1987)

Kemuncak naratif persengketaan ini adalah apabila rumah Iskandar akhirnya telah dibakar oleh konco-konco Pak Su atas arahnya sehingga mengakibatkan kematian dua sahabat baiknya, Muda dan Lela. Mengikut adat dan budaya Melayu, keris akan mula dihunuskan kepada pihak lawan sekiranya soal maruah dan harga diri tercabar. Mengikut sejarah yang dicatatkan dalam Tuhfat Al-Nafis, Raja Haji Ahmad dan Raja Haji Ali (1982:280) meriwayatkan kisah Dahing Ringgik (Daeng Ronggek) menikam askar Belanda yang cuba merampas keris miliknya (Hanizah Jonoh, 1977 dlm. Khamis, Nik Hassan Shuhaimi, & Abdul Latif, 2012). Haziah Jonoh juga menyatakan kisah yang sama tercatat dalam sejarah Johor yang terjadi pada tahun 1824, apabila Residen Singapura ketika itu, John Crawford, telah menyuarakan pendapat untuk mengharamkan senjata tajam. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak disetujui oleh Sultan dan Temenggung kerana pada hemat baginda, orang Melayu bagaikan bertelanjang tanpa keris di pinggang (Hill, 1956). Berbalik kepada filem Puteri, maruah dan prinsip Iskandar telah direndah-rendahkan oleh Encik Akhirudin sehingga menyebabkan dia kehilangan harta benda dan juga sahabatnya yang telah dianggap sebagai saudaranya sendiri. Maka seperti yang pernah diriwayatkan dalam Tuhfat Al-Nafis dan falsafah keris itu sendiri, Iskandar bangkit bertindak dengan menggunakan kerisnya sendiri untuk keadilan.

Melihat dari sudut sosiologi sastera, filem-filem Rahim Razali boleh dianggap memberi wajah budaya tempatan kerana banyak memaparkan unsur adat dan kepercayaan Melayu. Karya sastera tidak akan dapat dicerna sepenuhnya sekiranya dipisahkan dengan lingkungan dan kebudayaan yang mewakili masyarakatnya. Aspek budaya masyarakat Melayu yang sarat dengan kepercayaan mistik, mitos dan pengaruh kepercayaan animisme melatari filem Puteri dan Anak Sarawak merupakan cara Rahim Razali sebagai pengarahnya menyampaikan keunikan dan nilai masyarakat Melayu dalam filemnya. Pemaparan imej-imej yang dibincangkan di atas dalam filem Rahim Razali ini merupakan satu dokumen budaya yang merakam struktur kepercayaan masyarakat Melayu.

## **4. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kepercayaan Melayu seperti kewujudan keris keramat merupakan perkara yang telah lama berakar umbi dalam budaya masyarakat Melayu. Dalam hal ini, Rahim Razali telah menterjemahkan corak sosiobudaya Melayu dari aspek kepercayaan Melayu dalam filem Puteri dan Anak Sarawak. Unsur warna tempatan yang ditunjukkan dalam kedua-dua filem ini telah mengangkat

aspek kepercayaan, mitos dan ritual yang menjadi asas kepada adat dan budaya Melayu. Selain itu, filem Rahim Razali juga banyak mendokumentasikan protes sosial masyarakat terutamanya mengenai pertentangan kelas antara pihak atasan dengan pihak bawahan seperti yang direfleksikan dalam filem *Puteri* dan pihak yang ditindas melawan pihak yang menzalimi dalam *Anak Sarawak*. Dalam naratif kedua-dua-filem ini, keris merupakan manifestasi kepada perjuangan dan kelestarian budaya Melayu. Melihat kepada perspektif pendekatan sosiologi sastera, kaedah ini mampu menterjemahkan persoalan dan isu sosial dan budaya masyarakat yang dipaparkan dalam filem-filem beliau. Menurut pandangan sarjana Taine (1992) bahawa setiap zaman mempunyai pola intelektual dan dominant ideas yang tersendiri serta mewakili masyarakat pada ketika itu. Taine (1992: 612) menganggap bahawa aspek bangsa, persekitaran, dan zaman adalah berdasarkan suatu sistem induk yang diterima oleh masyarakat. Alan Swingewood juga mengemukakan pendapat bahawa karya sastera (filem) dapat dilihat sebagai dokumen sosiobudaya, iaitu merakamkan elemen budaya sesuatu masyarakat dalam sesuatu masa tertentu. Persoalan budaya seperti kepercayaan kepada keris keramat menterjemahkan pendekatan sosiologi sastera yang menganggap sistem kehidupan sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh bangsa, zaman, dan lingkungannya. Sistem kepercayaan ini juga mewakili idea dan emosi masyarakat yang melibatkan persepsi, dan refleksi masyarakat pada zaman tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh Alan Swingewood (1971) iaitu karya sastera (filem) ialah refleksi daripada norma kehidupan, Rahim Razali juga dilihat merakamkan dokumen sosiobudaya yang mencatatkan norma masyarakat Melayu yang meletakkan nilai budaya sebagai satu perkara asas dalam kehidupan.

## RUJUKAN

- Aaker, David A, & Myers, John G. 2000. *Advertising Management*. New Jersey: Prentice Hall.
- Al-Mudra, M. 2009. Melacak asal-usul keris dan perannya dalam sejarah Nusantara. *Sari – Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 27 (1):27-24
- Badrul Redzuan Abdul Hassan, & Faridah Ibrahim. (2011). Membangun 'Sinema Sikap': memproblematis hubungan kekuasaan Melayu-Tionghua dalam Mukhsin. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 27(2), 137-160.
- Bambang Harsrinuksmo. 2004. *Ensiklopedi Keris*. Jakarta: Percetakan PT Ikrar Mandiriabadi.
- B.S. Buanadjaya. 1998. *Keris Nusantara – Pamor, Nuansa Estetis & Pesona Esoteris*. Solo: C. V. Aneka.
- Duuren, D.V. 1998. *The Keris – An Earthy Approach to A Cosmic Symbol*. Wijk en Aalburg, The Netherlands: Pictures Publishers
- Email Bahari. (2009). *Semangat Keris Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Gardner, B. B. 1973. *Keris and Other Malay Weapons*. East Ardsley, Wakefield: EP Publishing Limited
- Gelanggang Pesantanala Silat Warisan Seni Beladiri Melayu. (2011, Disember 31). Kemusykilan Mandi, Cuci, Perasap Keris. Gelanggang Pesantanala Silat Warisan Seni Beladiri Melayu. Dimuat turun daripada <http://chulahitam.blogspot.com/2012/04/buka-gelanggang.html>
- Goldman, L. (1980). *Essays on Method in the Sociology of Literature*. St. Louis Mo: Telos press.
- Hassan Abd Muthalib. (2012). Apa Yang Dicari Di Dalam Filem? Dimuat turun daripada *Wajib Tonton Perspektif Hiburan Semasa*: <http://www.amyikram.com/2012/01/apa-yang-dicari-di-dalam-filem.html>
- Hashim Mohd Noor. (2004). *Keris : Peranannya Dalam Masyarakat Melayu Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Hatta Azad Khan. (1997). *The Malay cinema*. Bangi: Penerbit UKM. Bangi: Penerbit UKM.
- Haryono Haryoguritno. 2005. *Keris Jawa – Antara Mistik dan Nalar*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Hill, A. (1956). *The Keris and Other Malay Weapons*. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* XXIX, 16
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative health research*, 15(9), 1277-1288
- Ismail Abdullah. (2009). *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Istana Negara. (2018, Oktober 11). *Pakaian Istiadat Diraja*. Dimuat turun daripada Laman Web Rasmi Istana Negara Kuala Lumpur: <http://www.istananegara.gov.my>

- Kamus Dewan. (2015). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerajaan Negeri Sarawak. (Produser), & Rahim Razali. (Pengarah). (1989). Anak Sarawak [Motion Picture]. Malaysia: ASA-XX Films.
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, & Abdul Latif Samian. (2012). Falsafah Perkerisan dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of the Malay World Civil and Civilisation (Iman)* 30:1, 105-119.
- Koesni. 1974. Pakem – Pengetahuan Tentang Keris. Semarang: Penerbit Aneka Ilmu.
- Kotler, Philip. 2001. *A Framework for Marketing Management*. New Jersey: Prentice Hall.
- Laurenson, D., & Swingewood, A. (1972). *The Sociology of Literature*. London: MacGibbon & Kee Ltd.
- Mansor Puteh (2012, Disember 15). Drama Melayu Tanpa Wajah. Dimuat turun daripada Citra Melayu: [http://citramelayu.blogspot.com/2012/12/drama-melayu-tanpa wajah\\_15.html?m=1](http://citramelayu.blogspot.com/2012/12/drama-melayu-tanpa-wajah_15.html?m=1)
- Moebirman. (1980). *Keris-Senjata Pusaka*. Jakarta: Yayasan ‘Sapta Karya’
- Nazri Muslim, & Jamsari Alias. (2004). *Patriotisme: Konsep Dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC). Langkawi: UUM.
- Norain Ismail. (2012). Peperangan dalam Histografi Johor: Kajian Terhadap Tuhfat Al-Nafis. *Desertasi Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Ijazah Usuludin, Universiti Malaya*.
- Nor ‘Asyikin Mat Hayin. (2018, Oktober 17). Keris berdiri. *My Metro*
- Norman Yusoff. (2011, Ogos 24). Membangunkan Budaya Filem. *Utusan Malaysia*.
- Rahim Razali. (8 Oktober, 2016). Tentang Filem-Filem Rahim Razali. (Siti Normala Hamzah, Interviewer)
- Rhoma, A. R., & Siti Baaqiah, M. (2017, April 21). Berita Harian Online. Dimuat turun daripada Istiadat Pertabalan Agong Julang Sistem Beraja Berpelembagaan: <https://www.bharian.com.my/node/274146>
- Shahrum Yub. 2006. Mata Keris & Bentuknya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Ezaleila Mustafa. (10 May, 2010). Dato’ Rahim Razali: Hero Malaysia. Dimuat turun daripada <https://ezaleila.wordpress.com/2010/05/10/datuk-rahim-razali>
- Sutan Takdir Alisjahbana. (1961). *Puisi Lama*. Jakarta: PT Pustaka Rakjat.
- Swingewood, Alan & Laurenson, Diana (ed). (1971). *The Sociology of Literature*. London: MacGibbon and Kee Ltd.
- Swingewood, Alan & Laurenson, Diana. (1972). *The Sociology of Literature*. London: MacGibbon and Kee Ltd.
- Taine, H. (1992). *History of English Literature: Introduction*. Dalam Hazard Adams. *Critical Theory Since Plato* (pp. 609-620). Fort Worth, Texas: Harcourt Brace Jovanovich.
- Taine, H. (1900). *History of English Literature*. USA: University of California Libraries.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Jaafar. (2013). Simbol Kebesaran Daulat, Mahkota Dan Keris Dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu* Jilid 11, 99-109.
- Umur Junus. 1986. *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2006). Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden. *Akademika*, 69(1)
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1993). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Rohani Zain. (Produser), & Rahim Razali. (Pengarah). (1987). *Puteri* [Motion Picture]. Malaysia: ASA- XX Film Productions.
- Yusof Wahab. (2016, September 17). Wawancara Tentang Filem-Filem Rahim Razali Dari Perspektif Yusof Wahab. (Siti Normala Hamzah, Pewawancara)